But all in all, these were the few. For there were, as always, those who were not reached at all—somehow, the Christian message had slipped right pass them. They showed indifferences to the offer of eternal life. And they were, the majority. With God—nothing is impossible (Mark 9:23, Luke 18:27) and apart from God I can do nothing (John 15:56).

> "This is a true saying, and worthy of all men to be received, that Christ Jesus came into the world to save sinners."
>
> —1Timorthy 1:15.

GILBERT KOH

SPORTS COMMITTEE




SEATED L–R : Mr. V. Thevarajah, Mrs. Goh Thuan Jig, Mrs. S.R. Nayar, Mr. Low Thin Wing, Mr. K.G. Zachariah, Mr. Inder Singh, Mr. Lee Hung Yen, Mrs. Hoo Wong Ching, Mrs. Kirpal Singh, Miss P. Naganather, Mr. A.F. Devadass.

STANDING L–R : Mr. Lim Kee Yek, Mr. Yuen Ah Chye, Mr. Liew Wai Lin, Mr. T. Andrew James, Mr. Boon Kok San, Mr. Low Han Boon, Mr. G. Nithiananthan, Mr. Chan Chee Man, En. Alias b. Muda, Mr. Chong Wan, En. Ibrahim Othman.

With the Best Compliments of

SUN U BOOK CO., SDN. BERHAD
31, Jalan Cheng Lock, Kuala Lumpur 01-25.
P. O. Box 2307,
Telephone: 83990, 83370 & 83379

BLUE HOUSE



SEATED L–R : Johnny Foo, Cheong Kok Ching, Mr. Low Han Boon, Mrs. Nirmal Singh, Low Chin Guan, Mrs. W.C. Hoo, Miss Naganther, Jerry Loo, Yap Beng Hooi, Lim Lian Seng.

STANDING L–R: Tanabalasingam, Patwant Singh, Tanarasu, Vijaya Kumar Balachandran, Jaspal Singh, Low Inn Hock, Francis, Lai Wai Siong, Lee Kong Fai, Jonathan Jones.

House Captain	:	Low Chin Guan
Secretary	:	Cheong Kok Ching
Treasurer	:	Jerry Loo

Annual Cross Country: The performance of this event was encouraging if not excellent in terms of the efforts made by our house participants. The Junior Section scored the most points for the house and the seniors were not far behind themselves. With a few points more we would have had the Championship in our hands.


Atheletics: Our house atheletes produced some spectacular performances on Sports Day. Syed Ahmad of Class II was awarded the Individual Champion trophy. Due to some unforseen injuries, we were placed third. However, we are proud of the results even some events did not turn out as expected.

Games: Here the seniors beat the juniors by a mile. They contributed nearly all the successes. The younger members did a poor job and were far below expectations This, we hope, could be remedied in time. The house was champion in Table Tennis, Tennis, Volleyball, Hockey and runner-up in Carrom.

On behalf of the house, I would like to thank all our teacher advisers for their cooperation and tireless efforts in the house activities.

Cheong Kok Ching.

WHITE HOUSE



SITTING L–R : Saw Ghee Cheong, Radhakrishnan (Treasurer), How Kwee Chai (Secretary), Mrs. Kirpal (Advisor), Sadadevan (Capt.), Mrs. Pui (Advisor) Zulkifli, Roslan, Krishnasamy.

STANDING L–R: Ong Guan Guan, Onn, Lee Geok Chai, Loo Kok Beng, Baljinder Singh, Yap Swee Hwa, Vigneswaran R., Kuruparam, Selvakumar, Rajathurai.

Motto: We will do our best.

Teachers-in-charge: Mrs. Kirpal Singh, Mrs. Pui, Mr. Andrew James, Puan Khadisan Awang, Mr. Boon Kok San.

Cross-Country: In the Annual Cross-Country Race, we were less fortunate. We managed to clinch the second place. Credit should be given to the representatives of Class I for their tireless effort in the race.

Sports Day: Our performance at the Annual Sports this year was very discouraging.

Inter-House Games: In the Inter-House Tournaments, however, we were much more successful. We were: CHAMPION IN: HOCKEY, BADMINTON, SEPAK TAKRAW, CARROMS, RUNNERS–UP IN: TENNIS.

In conclusion, I would like to thank the teachers-in-charge for their invaluable guidance, encouragement and advice.

How Kwee Chai
Hon. Secretary

'Of two evils choose the one you enjoy most'

RED HOUSE



SEATED L–R : Michael, Andarro, Muthiah, Puan Bhsan, Mrs. Goh Thuan Jig, R. Vigneswaram, Cikgu Satari, Mr. Thevarajah, Lim Chuan Heng.
STANDING L–R: Ravinthiran, Saik How, Sockalingam, Kim Hoong, John Cheong Boon, Ravi, Zainuddin Idris, Satiarajah.

Motto: Win if you can, lose if you must but always be a good sportsman.

Cross-Country: We were placed second but we lost to the champion by only a few points.

Sports Day: Another successful year for the House as we emerged to retain our position as the Champion House. Our victory was expected due to the number of talented athletes in our house. We hope to retain the cup for another year.

Our attempt at the Singam's trophy was a failure but we are determined to try harder.

Finally, we would like to thank the teachers in charge for their invaluable assistance which led to our overwhelming success.

Andrew Khor
Secretary.

'Free advice costs you nothing–unless you take it'

GREEN HOUSE



House Masters: Mr. Liew Wai Lin, Mr. Amoz, Mrs. Y.K. Wong, Miss Cheah.

House Captain	:	M. Nedun	Hockey	:	Dalbir Singh
Treasurer	:	Ho Kim Yew	Secretary	:	Michael Khan
Athletics	:	M. Nedun	Football	:	Yau Yoon Young
Basketball	:	Yap Leong Teck	Tennis	:	Gilbert Koh
Sepak Takraw	:	Alias Kassim	Table Tennis	:	Tan Take Huat

For the year 1977, Green House was quite successful in her undertakings. These successes were attributed to the full cooperation of the members, the efforts of the respective games captains and the encouragement of the House Masters.

Athletics: In the field of athletics we captured the second place. Our star athlete, M. Nedun, brought fame and honour to our house by winning the Individual Championship Trophy for Class I.

Football: 1977 proved to be a splendid year for football. The house found many promising players and we captured the inter-house championship.

Basketball: In the Inter-House Basketball League, our boys literally thrashed the other teams without conceding a single game.

I would like to take this opportunity to thank our Housemasters and those members who had given us their cooperation and services.

Michael Khan
Secretary

YELLOW HOUSE



SEATED L–R : Peter Durairaj, Hock Chuan, Mrs. Low Wai Kong (Vice Capt.), Mrs. Nayar, Hong Boon Cheow (Treasurer), Mr. Lim, Arvinder Singh, Mariaratnam, Murali Dharan.

STANDING L–R: Nadarajah, Puvanesvaran, Choi Kai Hoong, Theang Kok Eng, Yin Fook, Santaseelan, Loke Yee (Asst. Treasurer), Mr. Ibrahim Hussein, En. Ustaz Alias Muda, Fadillah.

Motto: Preseverance is success.

This year, 1977 has not been a successful year for us and we did not capture the championship even though our boys tried valiantly.

However, we were the school cross-country champion with our cross-country captain Peter Durairaj leading the house. He came out third.

We were runner-up in the inter-house football tournament and in athletics, we did fairly well. In the inter-house debate organised by the Literary and Debating Society, we emerged as runner-up.

Finally, on behalf of the house, I would like to express our gratitude to all our teacher advisers for the encouragement and guidance.

'If at first you don't succeed you are running about average'.

SINGAM'S TROPHY 1977

(OVERALL CHAMPION FOR INTER HOUSE GAMES)

GAMES	CLASS	BLUE	GREEN	RED	WHITE	YELLOW
Volleyball	I	2	1			
	II		2	1		
Basketball	I		2	1		
	II			2		1
Soccer	I		2			1
	II		1	2		
Table-Tennis	I	2		1		
	II			2	1	
Hockey	I			1	2	
	II	2	1			
Chess	I		2		1	
	II		2		1	
Badminton	Open			1	2	
Sepak Takraw	Open		1		2	
Tennis	Open	2			1	
Carrom	Open	1			2	
TOTAL		9	14	11	12	2

PEMENANG–PEMENANG HADIAH LUMBAAN MERENTAS DESA


Lari Merentas Desa Kelas II	Pertama	:	Lum Cheong Beng (G) 26:40.2"
	Kedua	:	Thanarasu (B)
	Ketiga	:	Peter
Lari Merentas Desa Kelas III	Pertama	:	Gunalan (Y) 30:0"
	Kedua	:	Krishnan (Y)
	Ketiga	:	Jivaratnam (W)
Lari Merentas Desa Kelas III	Pertama	:	Thavaswaran (G) 30:36"
	Kedua	:	Balasubramaniam (W)
	Ketiga	:	Gopal (Y)

Lari Merentas Desa

Pasukan Johan Rumah – Rumah Kuning

1. Peter
2. Jeyakumar
3. Thani
4. Puvaneswaran
5. Mariaratnam
6. Arzaman
7. Mohd Azman
8. Chong Yin Fook

SPORTSDAY




Our HERO, Mr. Chan Weng Chiu



The Sports Captain taking the oath



Ha! Ha, please don't tickle me....




The Scout Band



The last meter metre of the 200 m.



Hey, WHAT are you up to?



The individual Champion—M. Nedun


PEMENANG–PEMENANG HADIAH 1977

1.	Lompat Jauh Kelas I	Pertama	:	Alex (G)	5.40m
		Kedua	:	Yap Beng Hwee (B)	
		Ketiga	:	Azman (Y)	
2.	Lompat Jauh Kelas II	Pertama	:	Ng Swee Yong (R)	4.88m
		Kedua	:	Yap Beng Leong (G)	
		Ketiga	:	How Yoke Theen (B)	
3.	Lompat Jauh Kelas III	Pertama	:	Low Hock Yoke (R)	4.13m
		Kedua	:	Kwa Kiang Hor (W)	
		Ketiga	:	Kamarulzaman (G)	
4.	Lompat Tinggi Kelas I	Pertama	:	Wong Kim Hoong (R)	1.59m
		Kedua	:	Loo Kok Beng (W)	
		Ketiga	:	Thanarasu (B)	
5.	Lompat Tinggi Kelas II	Pertama	:	Bah Fah Siong	1.45m
		Kedua	:	Low Kok Kong (G)	
		Ketiga	:	Vigneswaran (W)	
6.	Lompat Tinggi Kelas III	Pertama	:	Loo Kee Fong (W)	1.18m
		Kedua	:	Wong Kim Fah (G)	
		Ketiga	:	Ng Ber Leng (R)	
7.	Lompat Kijang Kelas I	Pertama	:	Yap Beng Hooi (B)	11.47m
		Kedua	:	S. Vigneswaran (R)	
		Ketiga	:	Alexander (G)	
8.	Lompat Kijang Kelas II	Pertama	:	Amaddin (R)	10.4m
		Kedua	:	Ng Swee Yong (R)	
		Ketiga	:	Cheah Chee Cheong (Y)	
9.	Lontar Perluru (Terbuka)	Pertama	:	Vigneswaran (R)	9.65m
		Kedua	:	Sagadevan (W)	
		Ketiga	:	Arvinder Singh (Y)	
10.	Lompat Cakera (Terbuka)	Pertama	:	Sagadevan S (W)	23.00m
		Kedua	:	Muralidharan (Y)	
		Ketiga	:	Yap Leong Teck (C)	
11.	Baling Lembing (Terbuka)	Pertama	:	Jerry Loo (B)	30.00m
		Kedua	:	Low Inn Hock (B)	
		Ketiga	:	Azman (Y)	
12.	1500 miter (Terbuka)	Pertama	:	Krishnasamy (W)	5:1,5"
		Kedua	:	Peter D. (Y)	
		Ketiga	:	Jeyakumar (Y)	
13.	100 miter Kelas III	Pertama	:	How Yoke Leng (R)	13.2'
		Kedua	:	Wong Siak Yin (B)	
		Ketiga	:	S. Govidaraj (G)	
14.	100 miter Kelas II	Pertama	:	Sufian (R)	12.4"
		Kedua	:	Syed Ahmad (B)	
		Ketiga	:	Ahmuddin (R)	
15.	100 miter Kelas I	Pertama	:	S. Vigneswaran (R)	11.6"
		Kedua	:	Nedun (G)	
		Ketiga	:	Yap Beng Hooi (B)	
16.	200 miter Kelas II	Pertama	:	S. Govinderaja (G)	29.6"
		Kedua	:	Yue Kok Tong (G)	
		Ketiga	:	How Yoke Lung (R)	
17.	200 miter Kelas II	Pertama	:	Sufian (R)	27.2"
		Kedua	:	Syed Ahmad (B)	
		Ketiga	:	Amirddin (R)	

18.	200 miter Kelas I	Pertama	:	Nedun (G)	24.3"
		Kedua	:	S. Vigneswaran (R)	
		Ketiga	:	Wong Kim Hoong (R)	
19.	Lari Berhalangan Kelas III	Pertama	:		
		Kedua	:		
		Ketiga	:		
20.)					
21.)	Saringan 4 x 100 m. Antara Murid Sekolah Sekolah.				
22.)					
23.	400 miter Kelas III	Pertama	:	S. Govindaraju (G)	73.0"
		Kedua	:	N. Panir Sevam (W)	
		Ketiga	:	Yue Kok Yeong (G)	
24.	400 miter Kelas II	Pertama	:	Gunalan (Y)	65.9"
		Kedua	:	Syed Ahmad (B)	
		Ketiga	:	Ling Tin Wing (B)	
25.	400 miter Kelas I	Pertama	:	Nedun (G)	58.2"
		Kedua	:	Krishnasamy (W)	
		Ketiga	:	Tamilselvam (B)	
26.	Perlumbaan Pekerja-Pekerja Sekolah	Pertama	:	Arokiasamy	
		Kedua	:	Maslamoney	
		Ketiga	:	Karupiah	
27.	Acara Prefect Sekolah-Sekolah	Pertama	:	Andrew & See Em	
		Kedua	:	Raj & Pak Mei Lin	
		Ketiga	:	Kamar Arrifin & Kong Soo Chin	
28.	4 x 100 miter Kelas III	Pertama	:	Merah	60.0"
		Kedua	:	Biru	
		Ketiga	:	Kuning	
29.	4 x 100 miter Kelas II	Pertama	:	Merah	55.1"
		Kedua	:	Biru	
		Ketiga	:	Hijau	
30.	4 x 100 miter Kelas I	Pertama	:	Merah	50.5"
		Kedua	:	Kuning	
		Ketiga	:	Putih	
31.	4 x 100 miter (Akhir)	Antara Murid Sekolah-Sekolah di bawah 16 tahun			
		Pertama	:	M.B.S. (Sentul)	51.5"
		Kedua	:	M.B.S. (K.L.)	
		Ketiga	:	M.H.S. (Sentul)	
32.	4 x 100 miter (Akhir)	Antara Murid Sekolah-Sekolah di bawah 18 tahun			
		Pertama	:	M.B.S. (Sentul)	48.8"
		Kedua	:	M.B.S. (K.L.)	
		Ketiga	:	M.H.S. (Sentul)	
33.	4 x 100 miter (Akhir)	Antara Murid Sekolah-Sekolah Perempuan			
		Pertama	:	St. Mary	57.6"
		Kedua	:	SMJK (P) Jln. Temerloh	
		Ketiga	:	M.G.S. (K.L.)	
34.	4 x 200 miter Kelas II	Pertama	:	Putih	4:29.5"
		Kedua	:	Kuning	
		Ketiga	:	Merah	
35.	4 x 400 miter Kelas I	Pertama	:	Merah	4:10.7"
		Kedua	:	Hijau	
		Ketiga	:	Kuning	
36.	800 miter Murid Tua	Pertama	:	Pandiam	2:15.6"
		Kedua	:	Ganesan	
		Ketiga	:	Kanan	

37.	800 miter Kelas II	Pertama	:	Ravindran (R)	2:47.1"
		Kedua	:	Gunalan (Y)	
		Ketiga	:	Dohan Raj (R)	
38.	800 miter Kelas I	Pertama	:	Krisnasamy (W)	2:18.0"
		Kedua	:	Rajasakri (R)	
		Ketiga	:	Devandran (R)	
39.	4 x 100 miter murid sekarang lawan murid-murid tua.				
		Pertama	:	M.B.S. (Sentul)	49.4"
		Kedua	:	Sentul MBSOBA	
40.	Acara Guru Guru	Pertama	:	Liew & Ibrahim H.	
		Kedua	:	Ibrahim O & Kok	
		Ketiga	:	Andrew & Chitra	
41.	Acara Pegawai Pegawai	Pertama	:	Balasingam	
		Kedua	:	Cheong Chee Kin	
		Ketiga	:	Lui Fook Foy	

Johan Kelas III	S. Govindarajoo (Green)
Johan Kelas II	Suffian Musa (Merah)
Johan Kelas I	Nedun (Hijau)
Johan Acara Terbuka	Sagadevan (Putih)
Johan Rumah Kelas II	Merah
Johan Rumah Kelas I	Merah



ATHLETICS REPORT

Master-in-charge	:	Mr. Low Han Bon
Captain	:	S. Vigneswaran
Secretary	:	M. Nedunchellian

PRACTICES: Twice a week.

In the Inter-School Relay held at the following schools sports meets, our Relay teams obtained the following positions:—

Inter School Meets	Event	Position
SMJK Temerloh	U—18 (4x100)	3rd
SMJK Batu	U—18 (4x400)	2nd
SMJK Batu	U—18 (4x100)	1st
Sri Ampang	U—16 (4x100)	2nd

Sentul District Week

In the above sports meet held at Merdeka Stadium, four of our athletes were selected to represent the district in the M.S.S.S. meet held at the Kota Raja Stadium, Klang. The four athletes were:—


1. V. Krishnasamy (1,500, 3,000, 5,000 m)
2. Vigneswaran (4 x 100)
3. John Alexander (Long jump, 4 x 100)
4. Wong Kim Hoong (High jump, 4 x 100)

On behalf of the team, I wish to express my sincere thanks to the master-in-charge, captain and the school for their co-operation and encouragement to the Athletics Team.

M. Nedun
Secretary.



U—18 and U—16 4 x 400 team




U–16 4 x 100 metres team



U–16 and U–18 Cross Country Team

HOCKEY REPORT U–18



STANDING L–R: Mr. Thevarajah, Choo Chew Cheng, Abdullah, Sagadevan, Vigneswaran, Dalbir Singh, Vigneswaran, Tan Tian Seong, Ong Guan Guan.
SQUATTING L–R: Arzaman, How Kwee Chai, Jaspal Singh, Arvinder Singh, Ravi, Harjit Singh, Maria.

Inter School Meet U–18

M.B.S. Sentul	vs	SMJK Batu	(Won 4–0)
M.B.S. Sentul	vs	SMJK Temerloh	(Won 3–1)
M.B.S. Sentul	vs	SMJK Maxwell	(Lost 2–3)

Though we lost in the district finals, I am proud to say that the challenging spirit was present and maintained. On behalf of the team, I would like to thank Mr. Thevarajah for his encouragement and sincere dedication to the team and special thanks to Mr. Raj and Mr. Sukhdev Singh for their kind assistance during the hockey practices and matches.

S. Vigneswaran
Captain

'What we call confidence in ourselves we call conceit in others'.

HOCKEY REPORT UNDER–15



We started our season towards the start of the year, under the guidance and coaching of our hockey master, Mr. Nithianathan. After a number of practices, the Under–15 team was chosen. We entered for the Sentul District Inter-School Competition, and we qualified for the finals. But luck was not with us, and we lost.


Results of the Sentul District Hockey Comeptition Under–15 years:

	M.B.S. (Sentul)	vs	Kampung Batu School	Walkover
	M.B.S. (Sentul)	vs	Batu School	Won (4–1)
Finals:–	M.B.S. (Sentul)	vs	Maxwell School	Lost (2–1)

Albinder Singh

'Money talks but it never gives itself away'.

SOCCER REPORT



SEATED L–R : Khan Ka Yee, Sagadevan. Ahmad, Azman (Vice-captain), Mr. Andrew James (Master-in-charge), Rsolan (Captain), Khalid, Lim Ep Ban, How Kwee Chai.

STANDING L–R: Ong Ho Ho, Satia, Murugan, Alexander, Choo Chew Ching, Nedun, Jerry Loo, Onn Mohammad, Tay Swee Pin, Azman, Peter, Wong Keng Cheong.

Master-in-charge	:	Mr. Andrew James
		Mr. Yap
Under–18 Captain	:	Roslan Othman
Vice Captain	:	Aizaman Yusuf

Inter School Soccer Tournament

Our school team participated in the M.S.S.S. tournament. The under–18 team emerged as the district semi-finalist, but unfortunately we were defeated by better teams.

Two of our boys, How Kuee Chai and Choo Chiew Cheng were selected to represent Sentul District in the Selangor Combined School Tournament.

On behalf of the school team, I would like to thank Mr. Andrew James and Mr. Yap for their guidance, encouragement and coaching.

Roslan Othman
Captain

The higher you fly, the smaller you appear to those on the ground.

SEPAK TAKRAW



SITTING (L–R) : Azman Arib, Roslan b. Othman, Cikgu Kalsom, Ustaz Alias Muda, Arzaman b. Yusoff (Ketua Pasukan), Md. Khalid b. Ramli.

STANDING (L–R): Khairuddin b. Abbas, Zainuddin b. Zakaria, Aznaff b. Hamzah, Alias b. Kassim, Zakaria b. Idris, Md. Puad b. Khatib, Md. Azali b. Hashim.

ABSENT: Cik Bakari b. Md. Nor.

Pada tahun ini pasukan sekolah ini telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan Pasokan Seri Setia. Pasukan kami telah memasuki dua pertandingan iaitu Piala dan M.S.S. Selangor.

Di pertandingan M.S.S. Selangor

M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. Temerloh
M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. Batu

Di pertandingan Piala

M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. Temerloh
M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. Batu
M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. Ampang
M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. V.I.
M.B.S.	lawannya	S.M.J.K. M.H.S.


Kami berterima kasih kepada Guru Penasihat yang telah banyak melapangkan masa datang menyaksikan perlawanan yang diadakan di Stadium Negara.

Berlatih 2 kali seminggu.

MAJULAH SUKAN UNTUK SEKOLAH INI.

Arzaman b. Yusoff
Ketua Pasukan

BADMINTON



Advisers: Mr. Liew Wai Lin & Puan Khadisah
Practices: Twice a week

School Individual Championship

Forms 4 & 5

Singles champion	:	Ngoh Yin Loong
Runners-up	:	Lau Inn Hock
Doubles champion	:	Sagadevan & How Kwee Chai
Doubles runner-up	:	Alloysius & Ngoh Yin Loong

Form 3 Only

Singles champion	:	Lee Kai Huat
Runner-up	:	Lee Chin Gee
Doubles champion	:	Lee Choon Hwee & Ong Hock Kian
Runners-up	:	Low Loy Yow & Chow Hong Hock

Removes, Forms 1 & 2

Singles Champion	:	Wong Kwok Hong
Runners-up	:	Vijayakumar
Doubles champion	:	Vijayakumar & Andrew
Runners-up	:	Zainal Abidin & Wong Kai Choong

Our school team managed to beat the O.B.A. by a narrow margin of 3–2. On behalf of the school team I would like to thank all the teachers for their invaluable guidance.

Sagadevan
Captain

TABLE–TENNIS

The programme for the year started off on the 3rd of April with the selections for the U–18 and U–16 school teams. Each team consists of six players. Regular practices were held weekly to keep the players in shape.

The main activities of the club took place in the second term. In the Inter-house tournament, Blue House captured the championship. This was followed by the Individual Championships. The following boys were successful:–

Singles champion – Yap Mor Thiam
Doubles Champion – Lai Weng Siong and Ee Kok Teong

At the Inter-school meets, our team did not line up to expectations. Anyhow, they beat the OBA team later in the Dudley Shield Competition. The score was 5–0;

On behalf of the club, I would like to thank the club advisers, Mr. Hoo and Mrs. Kirpal for the efforts in making the club a success.

Lee Kong Fai

VOLLEYBALL

Our school participated in the volleyball tournament organised by the Selangor Schools Sports Council. The under-15 boys managed to reach the finals while our under-18 boys survived till the quarter-finals.

We were also honoured to organise the Inter-district Finals and Semi-finals for the Selangor Schools Sports Council. The cheering and singing urged the boys and girls to make it a memorable occasion. We also organised the State Team trip to Perlis for the M.S.S.S. Inter-state competition. One of our players, Soh Cheong Boon was selected to represent Selangor in 1977 M.S.S.S. tournament in Perlis and the youth tournament in Penang last December holidays.

On behalf of the volleyball team, I would like to thank Mr. Wong Kok Chee, Mr. Low Theng Weng, Cikgu Ibrahim and other participating officials who organised the District Finals and Mr. Lim Lean Huat and our late coach Mr. Low Kiang Chooi for their keen interest and encouragement.

Soh Cheong Boon

This page is donated by SOH CHEONG BOON

BASKETBALL

Adviser : **Mr. Lee Hung Yen**
Practices : **Weekly**

Both the U–18 and U–16 teams did not play very well during the Inter-school tournament which was held at SMJK Jinjang in May 1977. We played 3 games: won one, lost one and drew one.

One of our players, Yap Leong Tick, was selected to represent the Selangor Combined Schools team. He is also in the Selangor Youth Basketball team.

In conclusion, I would like to thank Mr. Lee Hung Yen for the inspiration and encouragement he had given us. Finally, I hope that the next year's team will do better.

Yap Leong Tick
Captain

With the Compliments
Of

DEWAN PENERBIT KEBUDAYAAN
No. 63D, 2nd Floor,
Jalan Sultan, K. Lumpur.

■ *To thy ownself be true.*

■ *Culture is "to know the best that has been said and thought in the world".*


literary
contributions

literary
contributions

BAHAGIAN BAHASA MALAYSIA

'RAMAI MURID–MURID DALAM BANDAR TIDAK MENGHORMATI GURU–GURU'

'Dalam jangka saya dua puluh tahun saya mengajar ini, tidak pernah saya melihat murid-murid yang sebegini nakal. Mereka langsung tidak menghormati guru sedikit pun'. Inilah pendapat kebanyakan guru-guru yang pernah saya interbiu sedikit masa dahulu. Nampaknya murid-murid sekarang tidak lagi menghormati guru-guru mereka. Perkara yang seumpama ini menjadi lebih buruk lagi di bandar-bandar dari mana kemungkinan ketua-ketua negara masa hadapan akan lahir.

Untuk menjelaskan masaalah sebenarnya,saya ingin memberikan serba sedikit analisa yang telah saya buat mengenainya. Kebanyakan guru-guru sekarang telah pun menceburi bidang pendidikan lebih dari lapan tahun. Dalam masa yang sebegini lah seseorang guru itu memperolehi berbagai-bagai pengalaman. Mereka juga telah mengalami satu masa di mana murid-murid sekolah cukup berdisiplin. Mereka datang kesekolah dengan tujuan untuk belajar. Keinginan mereka untuk mendapatkan ilmu pengetahuan adalah tebal dan sangat membanggakan. Di ketika itu disiplin adalah kuat, oleh itu untuk mendapat pelajaran yang baik, terpaksalah mereka berkelakuan baik serta menghormati guru-guru mereka. Disamping itu, bilangan murid adalah sedikit, jadi, hubungan diantara guru dengan murid sangat rapat dan mesra. Dengan cara yang sedemikian, seseorang guru itu dapat memberikan perhatian lebih kepada setiap murid-murid. Tetapi jika dibandingkan dengan sekarang keadaan yang sebegitu rupa boleh dikatakan tidak ada.

Malahan situasi pelajaran sekarang telah berubah. Keadaan ini berlanjutan dengan meluasnya. Polisi kerajaan sekarang ialah setiap kanak-kanak yang telah cukup umur untuk memulakan pelajaran diharuskan bersekolah. Ini tidak terbatas kepada orang yang berkemampuan sahaja malahan orang-orang yang tidak mampu juga dibolehkan untuk mengikuti sebarang pelajaran dengan bantuan kerajaan. Ini semua mengakibatkan pertambahan murid-murid dalam jangka waktu yang singkat. Ini seterusnya mengakibatkan kepadatan murid-murid dalam setiap kelas dan masalah yang sebegini boleh mendatangkan kebosanan seorang guru itu. Kebanyakan sekolah-sekolah juga berpusat dibandar-bandar. Keadaan-keadaan ini menyebabkan jurang perhubungan guru dengan murid-murid tidak rapat lagi. Ini menimbulkan satu situasi dimana murid tidak faham akan pelajaran yang mereka pelajari serta tidak mengerti akan kesusahan yang dialami oleh guru mereka. Sedang guru pula tidak menghirau atau tidak mahu memahami keadaan mental masaalah-masaalah murid-murid mereka di sekolah mau pun di rumah.Akibatnya terjadilah penentangan terhadap perintah guru setelah keadaan menjadi tegang serta tekanan diri. Ini boleh dimasukkan kedalam sebab-sebab mengapa murid-murid tidak menghormati guru-guru dewasa ini.

Buat masa ini, keinginan murid untuk belajar adalah nipis. Perhatian mereka yang dahulunya cenderung kearah pelajaran telah berubah. Sifat guru-guru yang dahulunya sabar juga telah berubah menjadi tidak sabar. Ini seringkali menyebabkan 'Konfrantasi' dimana murid-murid membantah pendapat-pendapat yang diberikan oleh guru. Sudahlah begitu guru pula dengan tidak berfikir panjang terus berpendapat bahawa mereka tidak dihormati. Pendapat yang sedemikian adalah salah kerana guru yang begitu hanya memandang pada zahir seseorang murid itu sahaja. Emosi seseorang murid itu juga harus ditimbang.

Murid-murid sekarang telah sampai kesatu tingkat dimana mereka boleh mem-

perolehi pengetahuan dengan sendiri dari bahan-bahan bacaan seperti buku-buku, iklan-iklan dan juga surat-surat khabar. Guru ada kalanya mengajar sesuatu yang kurang tepat. Apabila kesalahan guru itu dikemukakan kebanyakan mereka tidak mahu mengaku salah seolah-olah apa yang mereka ajarkan semuanya betul. Sememangnya kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana setiap guru itu mahu menjaga status mereka sebagai seorang guru yang berkaliber. Sifat guru-guru yang sedemikian menyebabkan murid-murid mula berkelakuan tidak senonoh dan tidak menghormati guru mereka. Seterusnya murid-murid dikatakan tidak menghormati guru-guru bila kesalahan guru itu diperbaiki oleh mereka. Oleh itu, satu tindakan haruslah diambil iaitu memperbaiki sifat-sifat guru yang seperti ini. Jika tindakan segera tidak diambil kejadian-kejadian yang lebih buruk mungkin terjadi.

Satu lagi sebab mengapa murid-murid dibandar tidak menghormati guru-guru ialah guru-guru sekarang adalah terdiri dari guru yang bersikap mementingkan diri sendiri. Seperti yang telah diketahui kebanyakan guru-guru sekarang adalah terdiri dari guru perempuan. Lebih-lebih lagi kebanyakan guru perempuan tidak berupaya untuk mengawal murid-murid lelaki yang telah dewasa. Ketidakupayaan ini mengakibatkan kelakuan murid terhadap guru-guru perempuan menjadi liar dan bebas. Guru-guru sekarang juga dihalang atau dilarang memukul murid-murid mereka melampaui batas. Ini memberikan semangat serta keberanian kepada murid untuk mengganggu. Ketenteraman pelajaran dan melakukan apa saja yang disukai mereka.

Selain dari itu pengaruh dari luar juga bertanggung jawab diatas perubahan sikap serta kelakuan murid. Filem-filem yang menunjukkan keadaan sekolah dinegeri-negara barat yang begitu bebas pergaulannya telah meracuni daya pemikiran murid-murid kita. Mereka semua inginkan situasi yang sebegitu rupa. Kebebasan dalam segala peraturan sekolah adalah merupakan keinginan mereka padahal kebebasan itu diberi sudah tentu sifat menghormati guru itu akan hilang lenyap. Dapatkah Kita bayangkan apa yang akan terjadi kelak?

Kekurangan pengajaran dari ibubapa tentang disiplin juga merupakan faktor utama murid-muird tidak menghormati guru. Ibubapa yang tinggal dibandar biasanya tidak ada masa atau berpura-pura tidak ada masa untuk mengajar anak mereka. Tetapi mereka ada masa untuk menonton dan berjudi. Anak-anak mereka dibiarkan pergi tanpa tujuan, membuang masa dipanggung-panggung wayang, dikomplek-komplek perdagangan. Hubungan yang tidak rapat diantara ibubapa dengan anak mereka mengakibatkan sikap tidak menghormati bersemadi dihati mereka. Sikap ini juga terbawa-bawa kesekolah. Orang yang mereka sanjung serta hormati ialah seniman seniman.

Dari apa yang telah diterangkan tadi jelaslah mengapa masaalah tidak meng-menghormati guru-guru dibandar-bandar sering timbul. Keadaan akan menjadi lebih buruk lagi jika sekiranya tindakan tidak diambil oleh pihak-pihak yang tertentu seperti Kementerian Pelajaran, ibubapa dan guru. Tindakan-tindakan keras haruslah diambil supaya murid tetap menghormati guru-guru.

Oleh:
LOW CHIN GUAN
Tingkatan 5 Sains Tulin 2

REZEKI SUDAH SECUPAK, DIMANAKAN BOLEH JADI SEGANTANG

Peribahasa 'rezeki sudah secupak, dimanakan boleh jadi segantang', merupakan salah satu peribahasa yang selalu bermain dibibir masyarakat Melayu yang tinggal di kampung-kampung maupun di bandar-bandar. Ianya membawa pengertian yang agak luas dan agak sukar difahami oleh setengah-setengah golongan, khususnya masyarakat Cina, India, Serani dan sebagainya. Malahan terdapat juga masyarakat Melayu yang Masih tidak faham atau tidak dapat menangkap dengan tepat maksud peribahasa ini. Walau pun demikian peribahasa ini tetap digunakan oleh orang orang tua Melayu yang benar-benar tahu akan setiap maksud yang dibawa oleh peribahasa ini. Secara kasar bolehlah ianya dimengertikan bahawa sekiranya pendapatan yang kita perolehi dari titik peluh kita sendiri sudah sedikit, masakan kita boleh memperolehi lebih dari itu. Dari segi yang lain pula ia membawa pengertian bahawa jika sudah ditakdirkan hidup kita ini miskin dan papa masakan pula kita boleh hidup kaya dan senang.

Lahirnya peribahasa ini ialah setelah orang tua-tua menyaksikan keadaan hidup masyarakat. Selain dari sebab pertama lahirnya peribahasa ini, terdapat juga satu lagi sebab iaitu untuk tujuan mengejek atau memperli sikap seseorang yang hanya pandai bercakap sahaja, menyuruh buat kerja itu dan ini tetapi kehidupan keluarganya begitu juga. Sesungguhnya jika peribahasa ini diutara untuk perbincangan atau pendebatan, sudah tentu ianya menjadi satu bahan perdebatan yang hangat. Bagi setengah golongan, sudah tentu mempunyai pendapat yang berlainan dengan setengah golongan yang lain. Golongan yang pertama mungkin berpendapat begini. Dalam zaman yang serba moden ini, manusia sering berlumba-lumba mengejar kemajuan dan tidak ketinggalan kekayaan serta ilmu pengetahuan. Akibatnya pendapatan yang dahulunya mereka perolehi hanya sedikit telah dapat dibanyakkan melalui berbagai usaha yang dijalankan. Jadi, jika peribahasa ini masih digunakan, pendapat yang diberikan olehnya itu amat meleset sekali. Ini adalah kerana masyarakat sekarang mempunyai pendapat yang berlainan serta bertentangan dengan pendapat masyarakat dahulu.

Sekarang mari pula kita dengar pendapat yang diberikan oleh golongan yang kedua ia itu golongan yang menyokong penuh pendapat yang diberikan oleh peribahasa ini, khususnya golongan yang kuat berpegang pada ugama. Mengikut kepercayaan ugama Islam rezeki serta jodoh pertemuan itu ditangan Tuhan. Kadangkala kalau difikirkan masak-masak memang ada betulnya. Sekiranya Tuhan sudah menetapkan rezeki sianu sebanyak ini dan rezeki sendiri sebanyak ini, sebanyak itulah yang akan diperolehi. Malahan tiada siapa pun didunia ini yang dapat menandingi kuasa Tuhan. Sesungguhnya Tuhan itu maha esa. Walaupun demikian, Tuhan tidak pula menyuruh malahan melarang umatnya berpeluk tubuh menantikan rezeki itu jatuh keriba. Masaalahnya sekarang, adakah dengan berpeluk tubuh itu rezeki akan sendiri datang? Jawapannya sudah tentu tidak. Sememangnya seseorang itu tidak akan dapat menentukan sebanyak mana rezeki yang akan diperolehinya jika sekiranya dia sendiri tidak bekerja dan berusaha mencarinya. Jika ada orang yang berpendirian sedemikian nyatakan kepadanya bahawa pendiriannya itu adalah sebenar-benarnya salah. Salah disisi ugama serta salah disisi masyarakat moden yang jarang berpeluk tubuh malahan terus menerus mengejar pengetahuan serta kemajuan.

Pada orang yang benar-benar dapat memahami pengertian peribahasa ini, sudah tentu dia mengatakan bahawa peribahasa ini merupakan satu cabaran untuk membuktikan kepada orang lain bahawa rezeki yang secupak itu dapat dijadikan segan-

tang malahan lebih dari itu. Baiklah, kita ambil contoh kehidupan masyarakat kampung sekarang ini. Sedikit masa dahulu mereka hidup dalam kemiskinan dan agak sukar untuk mencapai kesenangan sebagaimana yang dimaksudkan oleh peribahasa diatas tetapi keadaan itu agak berlainan sekali dengan keadaan sekarang. Ini mungkin disebabkan oleh semangat inginkan kemajuan tambahan pula peribahasa ini merupakan cabaran buat mereka. Ketika ini mereka hidup dengan serba kesenangan, serba berkemajuan hasil usaha mereka kearah satu taraf hidup yang lebih tinggi lagi. Dengan berbangkitnya kejayaan peribahasa ini 'rezeki sudah secupak, dimanakan boleh jadi segantang' sekali lagi meleset pengertiannya. Tetapi kemelesetan itu hanya buat seketika sahaja kerana terdapat kembali satu golongan lain yang sememangnya dapat diterima oleh akal fikiran manusia. Misalnya, ada setengah-setengah keluarga yang bekerja tungkus lumus untuk mencari pendapatan yang lebih. Sesudah mendapat lebih malang sekali wang lebih itu terpaksa pula digunakan untuk mengubat sakit, mengansur hutang dan berbagai-bagai masaalah lagi. Akhirnya apabila dikaji semula rezekinya yang secupak nilainya secupak juga.

Sebagaimana biasa, peribahasa seumpama ini ada buruk dan nilainya. Jika ianya digunakan selalu, mungkin dapat mempengaruhi kehidupan anak-anak muda sekarang ini yang kebanyakannya malas hendak bekerja. Malahan apa yang mereka lakukan ialah menghabiskan masa-masa lapang mereka mundar mandir kesana kemari atau duduk menantikan kalau-kalau ada rezeki datang mencari. Disamping ia mempunyai daya pengaruh yang luar biasa ia juga merupakan satu cabaran dan perangsang kepada orang-orang yang waras pemikirannya.

Sebagai pengakhir kata, saya berpendapat peribahasa ini adalah satu satunya peribahasa yang sangat unik pengertian dan agak sukar untuk dibuang terus kerana ia mempunyai faedah-faedah yang sukar dilihat oleh golongan-golongan yang tidak faham akan maksudnya. Jadi saya harap peribahasa 'rezeki sudah secupak, dimanakan boleh jadi segantang akan terus dipraktikkan dalam semua golongan disetiap keturunan.

Oleh,

ROSLAN HAMID
Tingkatan 5 Sains Tulin 2

SIKAP MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI

Sikap mementingkan diri sendiri ini sebenarnya telah wujud di kalangan manusia semenjak zaman-zaman silam lagi. Sikap ini telah wujud semasa manusia lahir ke dunia dan mula mengenal apa itu hidup. Ianya tidak mati, malahan terus menerus kehidupan manusia sehari-hari. Contoh yang dapat diambil ialah dari segi politik. Keadaan politik didalam sesebuah negara adalah ditentukan oleh para pemimpinnya yang mungkin bersikap mementingkan diri sendiri ataupun bersikap mementingkan rakyat serta negara ini menunjukkan dengan jelas betapa penting sikap ini didalam pergolakan politik sesebuah negara maupun didalam masyarakat amnya.

Sikap ini adalah terbahagi kepada tiga jenisnya yang utama, pertama, sikap

mementingkan diri sendiri sahaja. Kedua, sikap mementingkan orang lain dan ketiga, kedua-dua sikap ini disatukan. Kalau dikaji dengan teliti, ketiga-tiga jenis sikap ini ada baik buruknya. Sebagai contoh, bolehlah kita ambil tindak-tanduk seorang pembesar Cina, iaitu Pengerusi Mao Tse Tung. Sikapnya bolehlah dijeniskan sikap jenis ketiga seperti yang diterangkan diatas. Ini menyebabkan dasar-dasar politiknya berlainan dari pembesar negara yang lain dan agak ganjil. Pengerusi Mao memerintah negaranya dengan tegas dan mengenakan undang-undang yang ketat. Sebaliknya beliau telah dapat menjaga rakyatnya dengan baik dan dapat melindungi dari ancaman-ancaman musuh. Ini dapat dijeniskan sebagai sikap mementingkan orang lain pula. Dalam pada itu di arena antarabangsa, beliau tidak mahu ambil tahu atau dalam ertikata yang lain pula tidak menghiraukan negara-negara lain di dunia kecuali negaranya sendiri.

Seperti yang telah dinyatakan diatas sikap-sikap ini ada yang baik dan buruknya. Jika seseorang itu terlalu mementingkan dirinya, ia mungkin dibenci orang ramai . Tetapi sebaliknya, jika seseorang atau sesebuah negara mementingkan diri sendiri, mungkin hal ini disukai oleh negara-negara lain. Contohnya, Amerika Syarikat. Jika ia berhenti dari campurtangan dalam hal politik negara-negara lain dan sebaliknya menjaga keadaan politik sendiri, sudah tentu ia mendapat kembali kehormatan dari setengah-setengah negara.

Bagaimana halnya seseorang yang hanya mementingkan orang lain. Seseorang yang bersikap begini mungkin pula disukai oleh orang lain. Itu semua terpulanglah kepada beberapa faktor penting. Tetapi adakalanya ia amat dibenci oleh orang. Kadang kala sifat ini menyebabkan kehormatan yang selalu dibangga-banggakan. Dari itu seseorang manusia itu harus memiliki kedua-dua sikap yang berlainan itu. Penggunaannya secara bijaksana akan membawa kejayaan besar kepada seseorang indivisu itu sebagaimana yang telah berlaku keatas beratus-ratus ahli politik diseluruh dunia.

Akhir sekali cara-cara pengunaannya dalam masyarakat sehari-hari. Didalam masyarakat sikap ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama, iaitu sebagai seorang individu adalah lebih baik jika mementingkan orang lain. Ini akan dapat memberikan suatu kehormatan kepada diri seseorang individu itu. Tetapi sayang sekali, bila seseorang itu sudah ternama ia lupa akan kepentingan orang lain. Ini tidaklah dapat disangkal lagi kerana ada ketikanya seseorang itu mesti menukar sikap lamanya kepada sikap mementingkan diri sendiri. Bahagian yang kedua pula menyentuh perihal masyarakat keseluruhannya. Ahli-ahli masyarakat harus mengamalkan sikap mementingkan diri orang lain, kerana inilah sahaja jalan yang boleh menyatupadukan sesebuah masyarakat. Sikap ini seterusnya dapat menjadikan seseorang itu mempunyai perasaan muhibbah dan kerjasama diantara satu sama lain.

Oleh,

Johnny Foo Choon Leong
Tingkatan 5 Sains Tulin 2

■ *Nothing makes a child so ill behaved as belonging to a neighbour.*

MASAALAH–MASAALAH BUTA HURUF

Buta huruf telah berleluasa dikalangan orang ramai. Sebagaimana yang kita tahu seorang yang buta huruf itu adalah seorang yang tidak tahu membaca dan menulis. Dengan wujudnya buta huruf disesebuah negara banyak masaalah-masaalah rumit telah timbul kepada negara dan masyarakat dari semua lapangan. Justru pihak yang berkuasa telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masaa-lah-masaalah tersebut.

Seseorang yang buta huruf sudah pasti akan mengalami kepedihan hidup dan akan melalui liku-liku kehidupan. Misalnya, seorang yang tidak tahu membaca tidak akan mendapat kesempatan untuk mengetahui tentang hal-ehwal didalam atau diluar negeri. Apa yang dimaksudkan ialah ia tidak dapat membaca surat khabar yang memberi berita-berita yang bersabit dengan politik, sosial, ekonomi, sukan dan lain-lain lagi. Seseorang yang buta huruf itu juga tidak kukuh pendiriannya dikalangan masyarakat. Mungkin ia akan di keji ataupun tidak diendahkan. Taraf kehidupan tidaklah seimbang dengan taraf kehidupan orang-orang yang bukan buta huruf.

Disamping itu, seorang buta huruf tidak dapat menceburkan diri dalam bidang politik. Ia juga akan mendapat atau menemui kegagalan dalam bidang ekonomi. Jika ia hendak berniaga, kebolehan membaca dan menulis perlu ada. Walaupun seorang buta huruf boleh bertutur dan bercakap dalam bahasanya sendiri tetapi bagaimana pula apabila ia bercampur-gaul dengan orang lain. Oleh kerana ini semua kanak-ka-nak dari masa kecilnya lagi harus dibimbing dan dididik oleh ibu-bapa dan kemudian perlu diberi pelajaran disekolah.

Jika kita meninjau secara teliti, buta huruf ini telah banyak ujud dikawasan luar bandar dan kampung-kampung. Ini tidak bermakna buta huruf tidak langsung muncul di kota-kota. Golongan masyarakat dari kampung-kampung telah menghadapi beberapa kesusahan apabila mereka berhijrah ke bandar. Nama sendiri pun tak tahu. Hanya menandatangani sesuatu surat dengan cap ibu jari. Cabarannya sungguh kuat. Kadangkala terpaksa pula menerima segala tindasan dan tekanan yang menyedihkan atau memalukan jiwa seseorang yang buta huruf itu. Lantaran itu dapatlah kita tahu sekarang betapa pentingnya dan peranan yang dimainkan oleh pelajaran. Tanpa pelajaran yang membolehkan seseorang itu membaca dan menulis, seseorang itu dianggap ia telah dewasa secara negatif atau dengan tidak mengalami segala daya-usaha kerajin-an dalam belajar semenjak kecil lagi.

Sesebuah negara yang mempunyai masyarakat buta huruf adalah di golongkan mundur atau tidak maju dari segi politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kerana masyarakat dinamis, progresif dan terpelajarlah yang akan mengukuhkan keadaan bidang-bidang tersebut. Tindakan-tindakan yang sesuai seperti kelas-kelas dewasa telah di tubuh untuk mengatasi masaalah yang rumit ini. Dinegara kita buta huruf adalah warisan yang ditinggalkan oleh Penjajah-penjajah menggunakan hasil negeri untuk negaranya tanpa mengambil endah soal memberi pelajaran anak jajahannya. Bila mereka ia menjadi beban kerajaan rakyat negara kita. Malaysia bernasib baik telah sedar dari awal-awal lagi dalam menghadapi masaalah masyarakat ini. Sebab itulah ia telah membelanjakan banyak wang untuk kemajuan luar-bandar yang mana satu daripa-danya adalah membasmi buta huruf. Supaya penyakit buta huruf tidak menurun ke jenerasi akan datang, soal mendaftar anak-anak yang patut bersekolah telah dibuat

lima tahun terlebih dahulu dari sepatutnya seseorang anak itu masuk sekolah. Dengan pendaftaran ini kerajaan mudah menyediakan rancangan untuk menampung persekolahan mereka kelak.

Sungguhpun rata-rata kanak-kanak masuk sekolah tetapi masih dijumpai buta huruf dalam zaman sains ini. Contoh yang paling baik ialah kita pernah jumpa berpuluh-puluh murid belajar tingkatan tiga yang tidak tahu membaca. Setengahnya tahu menulis tetapi tidak tahu apa yang ditulis olehnya. Ini pun menjadi masaalah kepada negara.

Kesimpulannya segala daya-usaha dan langkah-langkah harus diberi pertimbangan oleh masyarakat sesebuah negara untuk membasmi buta huruf dikalangan orang ramai demi kepentingan masyarakat dan negara di masa hadapan kelak.

Oleh:

M. Nedun
Tingkatan 5 Sains Tulin 2

TERTIPU

Disebuah desa yang terpencil tinggal seorang gadis yang berwajah ayu. Gadis yang bernama Zaira ini tinggal bersama ibunya yang sudah tua. Bapanya telah lama pergi menyahut seruan Illahi. Kehidupan mereka anak beranak sungguh menyedihkan. Mereka hidup dengan pemberian jiran-jiran mereka dan kadang-kadang Zaira mengambil upah menjahit dan mencuci kain. Mereka tidak mempunyai apa-apa harta cuma sebuah pondok usang untuk tempat mereka berteduh.

Zaira bercita-cita untuk pergi ke bandar mencari pekerjaan tetapi apakan daya dia cuma kerkelulusan sekolah pondok atap sahaja. Tiba-tiba pada suatu hari hatinya melonjak kegembiraan apabila mendengar seorang pemuda yang datang dari Kuala Lumpur sedang mencari beberapa orang gadis di kampung itu untuk diambil bekerja dengan majikannya. Pemuda yang tampan, segak dan berpakaian kemas itu pergi rumah ke rumah dan menceritakan peluang-peluang pekerjaan kepada ibu bapa gadis-gadis itu termasuk ibu Zaira. Ramai ibu bapa yang terpengaruh dengan pemuda itu dan ada juga sebilangan kecil yang membantah termasuk ibu Zaira. Ibu Zaira khuatir yang pemuda itu hanya berlagak sahaja untuk memancing gadis-gadis untuk di bawa ke Kuala Lumpur. Akan tetapi setelah dipujuk rayu oleh Zaira ibunya terpaksa mengalah.

Seorang demi seorang gadis ditemuduga oleh pemuda itu. Gadis-gadis itu sungguh tertawan dengan gelagat pemuda itu dan ramai daripada mereka mengatakan sanggup bekerja dengan majikannya. Setelah ditapis dan dikaji gadis-gadis itu akhirnya lima orang telah terpileh termasuk Zaira. Tetapi yang anihnya mereka yang di pileh itu semuanya cantik-cantik belaka.

Ibubapa gadis-gadis itu sungguh gembira kerana anak-anak mereka terpileh

dan ada pula membuat kenduri doa selamat. Zaira sungguh gembira tetapi ibunya penuh dengan kekhuatiran mengenai keselamatan anaknya di kota besar itu. Pada suatu pagi yang tenang kelima-lima anak gadis itu dibawa ke Kuala Lumpur yang penuh dengan berbagai-bagai godaan dan cabaran dengan sebuah kereta Mercedes yang dipandu oleh pemuda itu. Zaira bersama gadis-gadis itu sungguh gembira menjejakkan kaki mereka yang pertama di Kuala Lumpur. Mereka kagum dengan keindahan dan kemajuan Kuala Lumpur. Mereka ditempatkan disebuah rumah batu yang sederhana besarnya dan ditemani oleh seorang perempuan yang separuh umur. Mereka tidak dibenarkan keluar dari rumah itu kecuali bersama pemuda itu. Pada suatu hari pemuda itu datang bersama seorang lain iaitu majikannya. Orang itu memerhatikan mereka dari atas kebawah kemudian orang itu menganggukkan kepala kepada pemuda itu.

Pemuda itu memberitahu mereka yang mereka telah diterima bekerja. Pada keesukan hari mereka telah dipindahkan ksesebuah rumah yang mempunyai banyak bilik-bilik kecil. Dirumah itu juga terdapat beberapa orang lagi gadis-gadis yang manis-manis belaka. Kelima-lima orang gadis itu diberi sebuah bilik tiap-tiap seorang. Pada waktu malam majikan pemuda itu telah masuk ke bilik Zaira sedang dia tidur nyenyak. Dia terjaga dari tidurnya apabila dia terdengar tapak kaki berjalan kearahnya. Dia menjerit apabila dia terasa tangan kasar menyentuh tubuhnya. Manusia yang penuh dengan dosa ini tiba-tiba merangkul tubuh Zaira. Zaira meronta-ronta untuk melepaskan dirinya tetapi apakan daya dia hanya seorang perempuan yang bersifat lemah. Orang itu memukulnya hingga pengsan dan telah mencabul kehormatannya semasa dia dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Pada pagi esuknya kelima-lima orang gadis itu telah dipanggil. Mereka sungguh terperanjat apabila kerja yang ditawarkan ialah kerja yang terkutuk dan hiba disisi ugama dan Tuhan. Kerja itu tidak lain tidak bukan ialah melacurkan diri. Baharu gadis-gadis itu tahu yang mereka telah tertipu dan merasa sungguh menyesal. Tetapi apakan daya nasi telah menjadi bubur. Hendak keluar dari rumah jahanam itu bererti mereka akan menempah maut. Rumah itu dikawal dengan ketat oleh pemuda-pemuda yang tidak berperi kemanusiaan. Tiap-tiap hari mereka terpaksa melayani pelanggan-pelanggan mereka. Wajah orang tua mereka dan kampung halaman selalu bermain diruang mata mereka.

Ibubapa di kampung sungguh gembira kerana anak mereka telah ditawarkan pekerjaan tetapi mereka tidak tahu yang anak-anak mereka menangis siang dan malam mengenangkan nasib untung mereka. Sekiranya orang-orang kampung mendapat tahu akan pekerjaan mereka ini alangkah malunya orang-orang tua mereka. Mereka berharap pada suatu masa nanti mereka akan terlepas dari genggaman ini dan perosak-perosak gadis itu ditangkap dan dihukum dengan seberat-beratnya.

Oleh:

MOHD HANIF HASHIM
Tingkatan 5 Sains Tulin 1

Fashion note: little change in men's pockets.

'TIADA AEDES TIADA DENGGI'

'Tiada Aedes Tiada Denggi' dikalangan kita merupakan rangkaikata yang telah biasa dilihat maupun didengar dalam talivisyen. Ia juga merupakan satu nasihat atau cogan kepada kita supaya menghapuskan nyamuk Aedes kerana ia adalah pembawa penyakit deman denggi.

Kebanyakan penyakit deman, contohnya deman kepialu adalah disebabkan oleh nyamuk. Begitulah juga dengan penyakit deman denggi. Aedes ialah sejenis nyamuk yang membawa penyakit deman denggi. Penyakit Denggi kalau hendak dikirakan sangat merbahaya hingga boleh menyebabkan kematian. Setakat ini, pakar-pakar perubatan didalam dunia masih belum dapat mencari ubat yang sesuai untuk mengubati penyakit deman denggi itu. Dinegara kita, penyakit deman denggi telah merebak dengan luasnya dan telah menyebabkan beberapa kematian. Kebanyakan orang-orang yang mati akibat penyakit ini terdiri dari kanak-kanak,

Dari itu satu langkah tegas haruslah diambil untuk menghapuskan atau mengurangkan penyakit deman denggi ini. Kerajaan kita juga telah melancarkan satu gerakan atau kempen yang dinamakan kempen Anti-Aedes tidak beberapa lama dahulu. Tujuan diadakan kempen seumpama ini ialah untuk menyeru rakyat bekerjasama dalam setiap usaha kerajaan menghapuskan nyamuk Aedes. Pembiakan nyamuk-nyamuk Aedes akan membawa petanda-petanda buruk yakni kesihatan setiap ahli masyarakat mungkin terganggu. Melalui kempen ini kerajaan berharap akan dapat menyelesaikan masaalah penyakit deman dengan ini dengan bantuan kerjasama yang sepenuhnya dari rakyat jelata.

Kerajaan juga telah mula menyedari bahawa kebanyakan rakyat khasnya rakyat yang tinggal di kampung-kampung dan kawasan-kawasan pendalaman masih belum mengetahui bahaya penyakit ini. Mereka juga mungkin belum lagi mengetahui bahawa penyakit ini dibawa oleh nyamuk-nyamuk Aedes. Untuk menyedarkan mereka semua tenatang bahaya Aedes kerajaan telah bersusah payah memperlihatkan fflem-filem pendek mengenai nyamuk-nyamuk Aedes ini didalam talivisyen, radio-radio serta bahan-bahan yang utama seperti surat khabar, Disamping itu iklan-iklan kecil juga diedarkan dengan percuma kepada orang ramai supaya mereka mengetahui bagaimana rupanya nyamuk Aedes itu dan apakah tanda-tanda penyakit deman denggi itu serta cara-cara mencegahnya.

Kalaulah semua rakyat sedar bahawa Aedes ini adalah pembawa penyakit denggi maka sudah tentu nyamuk-nyamuk itu boleh dilenyapkan sama sekali. Selalunya nyamuk-nyamuk Aedes membiak disekelilingi atau didalam rumah. Nyamuk-nyamuk Aedes ini juga membiak didalam air yang tenang dan tidak berkocak. Contoh-contoh yang boleh diambil ialah seperti membuang air didalam tin-tin kosong, tayar-tayar buruk dan sebagainya.Pendekata nyamuk Aedes ini boleh membiak dimana-mana sahaja asalkan airnya tidak berkocak atau dalam ertikata yang lain air tenang.

